

15 AUG 1997

DR MAHATHIR MAHU PELABUR TEMPATAN KUASAI BURSA TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta pelabur dan pengurus dana tempatan, yang disifatkannya sebagai hanya pengikut urus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), supaya mula menggunakan kekuatan mereka dan menguasai bursa itu yang kini dipengaruhi oleh dana asing.

Perdana Menteri berkata agak malang juga kerana pengurus dana tempatan bukan merupakan penggerak di BSKL tetapi sekadar pengikut yang bergantung kepada indeks di pasaran dan tidak mempengaruhinya.

"Sesebuah pasaran saham yang baik seharusnya terbuka kepada dan tidak bergantung terhadap pelaburan oleh pengurus dana asing. Walaupun kegiatan mereka boleh merangsang harga, mereka juga mungkin dengan sengaja menyebabkan pasaran jatuh," kata beliau ketika merasmikan bangunan baru BSKL berharga RM150 juta, di Bukit Kewangan, di sini.

Dr Mahathir berkata minat utama pengurus dana asing ialah terhadap keuntungan modal kerana di bursa negara mereka sendiripun, mereka melabur dengan tujuan yang serupa.

"Perbezaannya ialah kegiatan pengambilan untung mereka di negara lain menyebabkan pengaliran keluar wang yang banyak dan kemerosotan pada indeks," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak setuju dengan pendapat bahawa indeks pasaran saham melambangkan ekonomi sesebuah negara.

Sambil berkata bahawa kaitan antara indeks pasaran saham dan ekonomi telah berubah, Dr Mahathir menjelaskan bahawa indeks tidak lagi menjadi ukuran kepada kedudukan ekonomi.

"Mereka sekadar menunjukkan kedudukan pasaran. Ini kerana pelaburan tidak banyak sangat dibuat berdasarkan kepada asas ekonomi tetapi lebih kepada prestasi indeks itu sendiri," katanya.

Beliau berkata prestasi indeks kini telah diakui tertakluk kepada manipulasi dan strategi pelabur-pelabur besar.

Beliau berkata kerajaan sentiasa menerima pelabur asing tetapi pelabur tempatan harus menggunakan kekuatan mereka dan menguasai bursa saham jika mahukan ekonomi terus kukuh.

"Jika kesan daripada pelaburan dana asing ini tidak ditangani, kita akan terus berdepan dengan indeks yang tidak menentu. Ini mungkin baik untuk sesetengah pihak tetapi secara amnya ia tidak baik untuk negara," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata: "Kita lihat semua ini berlaku kepada pasaran-pasaran kewangan dan saham kebekalangan ini. Ada pihak berpendapat berlaku konspirasi. Tetapi sama ada konspirasi ini berlaku atau tidak, hakikatnya ialah kita melihat apa yang diramalkan selama ini oleh pengkritik kita -- kemerosotan dalam indeks ekonomi Malaysia.

"Mereka tidak peduli sama ada mereka yang menyebabkan indeks menjadi sedemikian. Mereka gembira kerana mereka berjaya dalam ramalan mereka."

Dr Mahathir berkata walaupun berlaku keadaan tidak menentu dalam pasaran tukaran asing dan perkembangan dalam pasaran modal, asas ekonomi Malaysia tetap mantap yang melambangkan daya tahannya.

Pertumbuhan ekonomi masih berada sekitar 8.2 peratus dalam suku pertama tahun ini manakala jangkakan bagi seluruh tahun ialah 8 peratus.

Mengenai ketidaktentuan dalam pasaran-pasaran kewangan dan saham yang beliau percaya disebabkan oleh serangan spekulatif oleh pelabur antarabangsa, Dr Mahathir berkata ini tidak seharusnya melemahkan semangat

orang ramai untuk terus melabur dan menggalakkan pelaburan dalam industri berteknologi dan bermodal intensif untuk eksport.

Beliau menasihatkan pelabur supaya mengambil kira prospek jangka panjang dan bersedia mengambil risiko.

Kerajaan, katanya, akan terus mengamalkan dasar kukuh dan konsisten untuk mencapai pertumbuhan berterusan kerana yang lebih penting ialah untuk menambah pendapatan rakyat di semua peringkat selain meningkatkan produktiviti.

"Apa yang penting ialah kuasa membeli daripada upah dan keuntungan yang diterima dan bukannya jumlah wang yang diperolehi. Kerana itulah, kerajaan berusaha mencapai inflasi sifar," kata Dr Mahathir, sambil berharap agar orang ramai menyumbang ke arah matlamat itu.

Perdana Menteri berkata perasmian bangunan baru BSKL bukan saja amat bermakna dalam sejarah BSKL tetapi merupakan sesuatu yang harus dibangga oleh seluruh negara.

BSKL merupakan bursa terbesar di Asia Tenggara dan antara 15 yang utama di dunia.

Dr Mahathir menganggap itu sebagai satu kejayaan besar kerana hanya 10 tahun lepas, ia tidak diberi pengiktirafan sewajarnya sebagai sebuah pasaran saham walaupun telah wujud sejak 1960. BSKL kini mengendalikan urusan niaga harian sekitar RM1.5 bilion.

Beliau berkata BSKL merupakan lambang semangat keusahawanan yang kerajaan cuba semai untuk memajukan ekonomi negara.

Komponen-komponen ini telah banyak menyumbang kepada kemakmuran ekonomi Malaysia yang dinikmati khususnya sejak 10 tahun lepas, katanya. -- BERNAMA
AU MAI/sia